

CNS0973

U GB 30-08 00157 BA982

BAH

Mahathir - Imbang

KEPENTINGAN NEGERI DAN NEGARA PERLU SEIMBANG, KATA MAHATHIR

KUCHING, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa sesebuah kerajaan negeri perlu mengimbangkan antara kepentingan negeri dan kepentingan negara untuk membolehkan semua pihak memperoleh nikmat.

Perdana Menteri berkata, keseimbangan itu juga perlu disertai dengan hubungan yang terjalin rapat antara negeri dan pusat.

"Apabila pemerintahan negeri hanya memumpu kepada kepentingan negeri tanpa mengambil kira kepentingan negara, hasilnya ialah kerugian semata-mata kepada warga negeri itu," kata Dr Mahathir.

Rakyat Bumi Kenyalang (Sarawak) seharusnya bersyukur kerana mempunyai para pemimpin jati dan dinamik di peringkat kebangsaan dan negeri, katanya ketika perasmian serentak Bangunan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia yang pertama bagi tahun 1993, di sini.

Segala gagasan mereka dapat diterima semua pihak, bukan sahaja di Bumi Kenyalang ini bahkan di seluruh Malaysia, katanya. -- lagi.

▼30/08/17-24MSI

U GB 30-08 00190 BA983

BAH

Mahathir - Imbang 2 Kuching

Perdana Menteri berkata, setiap lapisan masyarakat di Sarawak tidak akan ketinggalan di dalam bersama-sama meraih keuntungan serta menikmati faedah dan kebaikan hasil daripada mengejar taraf kehidupan yang lebih tinggi.

Katanya, ini merupakan hasil wawasan untuk membangunkan Bumi Kenyalang menjadi kuasa ekonomi dan perdagangan, dengan berlandaskan program-program pembangunan Kerajaan Negeri yang bernas.

Menurutnya, walaupun penduduk Bumi Kenyalang kaya dengan khazanah budaya serta penuh dengan tradisi pelbagai kaumnya tetapi ia mampu mengikis sifat perkauman, bekerjasama erat di dalam suasana harmonis, memegang teguh kepada prinsip-prinsip muhibah serta Rukunegara dan bersatu untuk mengejar cita-cita bangsa dan negara.

Beliau berkata, rakyat haruslah menyambut segala dasar serta langkah-langkah kerajaan dengan sikap positif dan berani menyangkut cabaran-cabaran yang timbul di dalam proses membangunkan negara ini.

"Saya percaya dengan pimpinan yang ada di Sarawak, serta sokongan padu wargakota Kuching, pentadbir kawasan bandaraya ini akan dapat mencapai wawasan menjadikan Bandaraya Kuching sebuah bandaraya metropolitan yang teratur, indah dan berbudaya di dalam masa yang lebih singkat," katanya.

Beliau berkata, pembangunan di sekitar bandaraya Kuching akan berkembang dengan adanya infrastruktur yang baik. -- lagi.

▼30/08/17-32MSI

BAH

Mahathir - Imbang 3 (Akhir) Kuching

Dr Mahathir berkata, bangunan DBKU, yang dirasmikannya itu, merupakan satu mercutanda dan penggerak kejayaan Bandaraya Kuching.

Menurutnya, projek pembangunan pusat-pusat pelancongan, hotel-hotel, bangunan pejabat, pusat perniagaan dan rekreasi serta kawasan-kawasan perumahan di sekitarnya, telahpun berjaya menempatkan Bandaraya ini di mata dunia serta mendapat pengiktirafan yang berpatutan.

Katanya, kejayaan serta pengiktirafan itu terbukti apabila Bandaraya Kuching dipilih tuan rumah untuk pelbagai acara berbentuk kebudayaan, kejohanan sukan, mesyuarat perundingan serta persidangan yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam usaha mentadbir sesebuah bandaraya, usaha yang gigih dan bersepadu hendaklah diberi keutamaan supaya pembangunannya seimbang dan teratur untuk kesejahteraan penduduk, katanya. -- Bernama.

AHM AM KAM.

▼30/08/17-35MST